

## FED NONI – 100% PURE NONI LEAVEN



Pati Noni dikenali sebagai penyembuh dan antiseptik tradisional. Ia dapat menyembuhkan luka dalam. Ciri-Ciri bakterianya pula dapat membantu melindungi daripada kerosakan jantung serta sistem penghadaman. Ia juga turut mengandungi **SELENIUM**, merupakan salah satu **ANTI OKSIDA** yang terbaik serta mengandungi banyak **'PHYTONUTRIENTS'**, memberikan perlindungan terhadap radikal-radikal bebas yang terkalis di bahagian dalam dan luar badan. Ini akan melambatkan proses penuaan. Fungsi lain ialah bertindak sebagai agen **ANTI RADANG** dan **ANTI HISTAMIN**, merencatkan fungsi **PRE-KANSER** dan pertumbuhan tumor

kanser, mengawal tekanan darah tinggi, membersihkan dan melancarkan pengaliran darah, meningkatkan sistem imunisasi atau pertahanan badan, membuang angin yang tidak diperlukan dalam badan serta turut meningkatkan tenaga.

### Kajian Saintifik


Buah mengkudu mengandungi 12 kandungan penting seperti proxironine, asid kaproid, asid kaprilik, minyak penting, B-D-glucopiranos pentaacetate-2, asperuloside tetra acetate, glucose, Asid ascorbik(vitamin C) dan damnacanthol. Beberapa jenis kandungan ini boleh bertindak sebagai anti-bakteri melawan Escherichia coli, Salmonella typhi, Shigella paradysenteriac dan Staphylococcus aureus. Buah mengkudu boleh memulihkan sistem penghadaman dan ini dapat membantu dalam memulihkan penyakit "hemorrhoidism", hidung tersumbat dan "cerebral hemorrhage". Ia dapat juga membantu untuk meredakan "embolism" dan membantu untuk melancarkan aliran darah yang mungkin disebabkan ketulan-ketulan darah (ketulan darah ini terdapat dalam saluran darah dan memperlambatkan perjalanan darah).

Mengkudu juga bertindak sebagai "anti-oxidant" yang sangat baik. Kandungan yang paling penting dalam buah mengkudu adalah proxeronine. Proxeronine ini akan membentuk Xeronine apabila dimakan dan Xeronine ini boleh membaiki sel-sel yang rosak dan mengaktifkan sel-sel yang lemah. Salah satu unsur penting dalam mengkudu ialah Damnacanthol yang boleh bertindak sebagai anti-virus dan anti-tumor yang boleh bertindak ke atas beberapa jenis barah paru-paru. Beberapa kajian klinikal menunjukkan mengkudu dapat menolong masalah penyakit buah pinggang yang teruk. Ia juga menunjukkan sifat "anti-inflammatory" yang boleh membantu dalam merawat "arthritis". Dalam percubaan keatas tikus, berat badan, kesuburan sel darah putih dan kekuatan berenang bertambah setelah diberi jus mengkudu.



### Mengkudu Kaya dengan Khasiat perubatan

#### 1. Meningkatkan daya tahan tubuh



Penyelidikan klinikal yang dilakukan oleh Dr. Schechter (Institut Pengubatan Alami di California) menghasilkan data-data penting tentang kemampuan ekstrak mengkudu, di antaranya merangsang pertumbuhan sel T dalam sistem kekebalan tubuh (sel T berperanan penting dalam melawan penyakit), memperkuatkan sistem kekebalan tubuh terutama makrofag dan limfosit dari sel darah putih, menunjukkan kesan anti bakteria, mempunyai kesan anti rasa sakit (analgesik), melambatkan pertumbuhan sel-sel pra barah/tumor iaitu dengan kemampuannya menormalkan fungsi sel-sel yang abnormal.

Mona Harrison, MD dari Boston University School of Medicine dan direktor medik pada D.C. General Hospital, USA melaporkan bahwa ekstrak mengkudu meningkatkan fungsi kelenjar tiroid dan kelenjar timus, yang dipercayai bertindak melawan infeksi dan masalah-masalah yang berhubungan dengan sistem kekebalan tubuh.

#### 2. Menormalkan tekanan darah



Menurut Neil Solomon, MD, PhD, peneliti masalah kesihatan dari Amerika melaporkan bahawa ekstrak mengkudu mengandungi sejenis fitonutrien, iaitu scopoletin yang berfungsi untuk memperlebar saluran pembuluh darah yang mengalami penyempitan. Hal ini menyebabkan jantung tidak perlu bekerja terlalu keras untuk mengepam darah, sehingga tekanan darah menjadi normal. Scopoletin yang terdapat dalam ekstrak mengkudu dapat berinteraksi sinergis dengan nutraceuticals (makanan yang berfungsi untuk perubatan) lain untuk mengatur tekanan darah tinggi menjadi normal. Tidak pernah ditemukan kes di mana tekanan darah normal turun hingga mengakibatkan tekanan darah rendah (hipotensi). Para ahli dari Universitas Stanford, Universitas Hawaii, Universitas of California (UCLA), Union College of London, Universitas of


Meets di Perancis yang telah mempelajari ekstrak mengkudu berperanan menurunkan tekanan darah dalam banyak kes.

#### 3. Melawan tumor dan kanser



Tahun 1993 Jurnal Cancer Letters, volume 3; melaporkan penemuan zat anti kanser/damnacanthol dalam ekstrak mengkudu mampu menghalang pertumbuhan sel-sel kanser. Ada beberapa kes pesakit kanser yang mencuba ekstrak mengkudu dan menjadi sembuh, antara lain kes Pesakit Dr. Harrison (D.C. General Hospital), yang menderita kanser hati dan pembengkakan perut yang disebabkan oleh cairan yang berlebihan. Selepas tujuh hari mencuba ekstrak mengkudu, bengkak pada perutnya berkurangan secara nyata. Pengujian baru terhadap cairan perutnya menunjukkan bahawa sel-sel kanser tersebut telah lenyap. Menurut Dr. Judah Folkman dari Harvard University, ekstrak mengkudu bekerja sinergis dengan mikronutrien lain dalam menghalang aliran darah yang menuju ke sel-sel tumor.


#### 4. Menghilangkan rasa sakit



Kemampuan ekstrak mengkudu sebagai zat analgesik telah dikenal dalam sejarah perubatan tradisional, sehingga tanaman ini disebut "Painkiller tree" atau "Headache tree". Banyak teori yang menjelaskan tentang bagaimana mekanisme kerja ekstrak mengkudu menghilangkan rasa sakit. Salah satunya adalah teori Dr. Ralph Heinicke (ahli biokimia terkenal dari AS) yang mengatakan bahwa Xeronine berperan dalam menghilangkan rasa sakit. Hal ini dikaitkan dengan kemampuan Xeronine menormalkan protein pada sel-sel yang abnormal, termasuk sel-sel jaringan otak, tempat berasalnya rasa sakit. Beberapa kes


rasa sakit yang kronik seperti sakit kepala terus-menerus, rasa sakit pada otot, saraf dan sendi disembuhkan setelah mengkonsumsi ekstrak mengkudu.

#### 5. Anti peradangan dan anti alergi




Senyawa scopoletin (hidroksi-metoksi-kumarin) sangat efektif sebagai zat anti radang dan anti alergi. Pensyarah-pensyarah kedokteran melaporkan keberhasilan perubatan pada arthritis, bursitis, carpal tunnel syndrome dan alergi dengan menggunakan scopoletin. Bryant Bloss, MD, ahli ortopedi dari Indiana, AS melaporkan keberkesanan ekstrak mengkudu menyembuhkan sakit punggung yang dialaminya dan juga 15 orang pesakitnya. Sementara itu, lapan orang pesakitnya melaporkan bahawa sakit lutut (Osteoarthritis) hampir tidak terasa selama mengamalkan ekstrak mengkudu. Tiga dari pesakit Dr. Bloss yang menderita asma mengalami kemajuan dengan semakin berkurangnya batuk. Beberapa pesakit yang mengalami radang sendi juga mulai mengalami kemajuan secara nyata setelah meminum ekstrak mengkudu.

#### 6. Anti bakteria




Hasil penelitian yang dimuatkan di dalam jurnal Pacific Science (Volume 4, tahun 1950) melaporkan bahawa ekstrak mengkudu mengandungi bahan anti bakteria yang dapat digunakan untuk mengatasi penyakit jantung, masalah pencernaan. Senyawa Antraquinon ternyata dapat melawan bakteria Staphylococcus yang menyebabkan infeksi pada jantung dan bakteria Shigella yang menyebabkan disentri. Selain itu Antraquinon juga sebagai anti bakteria terhadap: Bacillus subtilis, E. coli, Proteus morgani, P. aeruginosa, Salmonella typhi, Shigella dysenteriae, Staphylococcus aureus. Dr. Robert Young, ahli mikrobiologi dari Utah, USA menemukan yeast molds dan jamur beserta racun yang dihasilkannya dapat menyebabkan sel-sel sakit kerana kealkaliannya (pH) meningkat. Dengan ekstrak mengkudu, keadaan tersebut dapat diatasi kerana membantu mengatur keseimbangan pH tubuh, sehingga meningkatkan kemampuan tubuh menyerap vitamin-vitamin, mineral dan protein.

#### 7. Mengawal stress (Mood)



Salah satu kemampuan yang dimiliki oleh scopoletin adalah dapat mengikat serotonin. Menurut Dr. Harrison (DC. General Hospital, USA) scopoletin dapat meningkatkan kegiatan kelenjar pineal yang terdapat di dalam otak, yang merupakan tempat di dalam otak, yang merupakan tempat dimana serotonin diproduksi dan kemudian digunakan untuk menghasilkan hormon melatonin. Serotonin adalah salah satu zat penting di dalam butiran darah (trombosit) manusia yang melapisi saluran pencernaan dan otak. Di dalam otak, serotonin berperanan sebagai neurotransmitter (penghantar signal saraf) dan prekursor hormon melatonin. Serotonin dan melatonin membantu mengatur beberapa kegiatan tubuh seperti tidur, regulasi suhu badan, mood, masa pubertas dan siklus produksi sel telur, rasa lapar dan perilaku seksual. Kekurangan serotonin dalam tubuh dapat mengakibatkan penyakit migrain, pusing, depresi, bahkan juga penyakit Alzheimer.

#### 8. Mengawal perubahan energi tubuh



Dr. Harrison juga melaporkan bahawa perubahan frekuensi energi tubuh juga disebabkan oleh kegiatan positif ekstrak mengkudu. Kesan lain antaranya; dapat menstabilkan gula darah, menghilangkan rasa sakit waktu haid, mengurangi keinginan buang air kecil pada malam hari untuk lelaki yang mengalami pembengkakan prostat. Menurut Dr. Heinicke (ahli biokimia dari AS), Xeronine juga turut berperanan dalam proses perubahan energi tubuh. Ia menjelaskan mekanismenya berikut, Xeronine akan diserap pada tempat yang berdekatan dengan tempat penyerapan hormon endorphin. Xeronine juga bertindak sebagai prekursor hormon (co-hormone) untuk mengaktifkan protein reseptor yang memberikan perasaan selesa/nyaman. Akibatnya orang akan merasa tenang dan memiliki banyak tenaga setelah menggunakan ekstrak mengkudu.

Secara umumnya, buah mengkudu boleh membantu dalam penyakit dibawah:-

1. Tekanan Darah tinggi,
2. Barah,
3. Penyakit Jantung,
4. Kencing Manis,
5. Masalah Seksual,
6. Lemah badan,
7. Berat badan berlebihan (Kegemukan),
8. Masalah buah pinggang,
9. Fikiran serabut,
10. Alahan seperti alahan daripada makan udang dan ketam,
11. Arthritis,
12. Masalah penghadaman,
13. Angin Ahmar,
14. Masalah tidur,
15. Ketagihan merokok
16. Masalah Penafasan,
17. Kurang Tenaga,
18. Batuk,
19. Cacing,
20. Gout,
21. Asma,
22. Resdung,
23. Gastrik,
24. Tumor,
25. Luka Kecil,
26. Kelemumur,
27. Kebengkakan,
28. Keracunan Makanan

**" Setiap penyakit itu ada ubatnya kecuali mati "**